

Headline	Operasi pencawang TNB dihenti demi keselamatan awam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	407,786	Readership	3,351,000
Section	Setempat	Page No	12
ArticleSize	112 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 6,900		



Operasi pencawang TNB dihenti demi keselamatan awam

Kuala Terengganu: Meskipun Tenaga Nasional Berhad (TNB) terpaksa menghentikan operasi kebanyakan pencawang termasuk pencawang ke menara komunikasi di Kemaman kerana ditenggelami air, namun syarikat utiliti berkenaan tetap prihatin dengan masalah penduduk serta berusaha membekalkan bekalan elektrik melalui 28 set generator yang disediakan di daerah berkenaan.

Pengurus (Perkhidmatan

Pengguna dan Pemasaran) TNB Terengganu Omar Abdul Rahman berkata, terdapat 140 pencawang komunikasi di Kemaman dan satu pertiga daripadanya ditenggelami air manakala satu lagi dihenti operasi kerana faktor keselamatan.

“Kami terpaksa menghentikan operasi pencawang itu kerana mengutamakan keselamatan awam dan bimbang berlaku kejadian tidak diingini.

“Pemulihan bekalan ke

kawasan berkenaan sedang diusahakan secara berperingkat dan sebahagiannya sudah dibekalkan bekalan elektrik mulai 6 Disember lalu selain menggunakan 28 set generator,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, tindakan pihak tertentu menyalahkan TNB sebagai punca kelewatan menghantar bantuan kepada mangsa banjir sebagai tidak wajar.

Katanya, pihak yang membuat dakwaan konon-

nya kelewatan mereka menghantar bantuan akibat gangguan elektrik sepatutnya mempunyai pelan kecemasan komunikasi sendiri jika berlaku kegagalan komunikasi sedia ada.

Sebarang maklum balas mengenai pemasangan dan perkhidmatan TNB, pengguna boleh menelefon atau menghantar SMS kepada talian TNB CareLine 15454 atau hubungi 1300 88 5454.